

KERATAN AKHBAR

TARIKH : 29 JUN 2025

AKHBAR : METRO

MUKA : 9
SURAT

Kita di tangga ke-20 pengeluar nanas dunia pada 2023

Kita di tangga ke-20 pengeluar nanas dunia pada 2023

Kuala Lumpur: Malaysia berada di kedudukan ke-20 daripada 86 negara dari segi pengeluaran nanas dunia pada 2023, dengan jumlah pengeluaran sebanyak 392.3 ribu tan metrik.

Kedudukan ini menunjukkan peningkatan berbanding tempat ke-22 pada 2022, berdasarkan Pertumbuhan Makanan dan Pertanian Bangsa-Bangsa Bersatu (FAO).

Susulan itu survei penerimaan nanas dalam kalangan rakyat Malaysia dilancarkan bagi mendapatkan gambaran lebih lanjut tentang pandangan masyarakat terhadap buah-buahan itu.

Ia dilancarkan oleh Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan, Datuk Seri Mohamad Sabu, sempena sambutan Hari Nanas Malaysia 2025 di Johor Bahru kelmarin, menandakan acara itu julung kali dianjurkan di negara ini.

Ketua Perangkawan, Datuk Seri Dr Mohd Uzir Mahidin, berkata, pihaknya diberi tanggungjawab untuk melaksanakan tinjauan berkenaan untuk mendapatkan perincian pandangan masyarakat terhadap tahap penerimaan dan pengetahuan mereka mengenai nanas.



“Survei ini juga dapat membantu memahami persepsi masyarakat terhadap buah tempatan yang melambangkan budaya serta menyumbang kepada ekonomi negara”

Dr Mohd Uzir

Beliau berkata, tinjauan secara bersemuka dan dalam talian itu akan dilaksanakan bermula semalam hingga 31 Julai ini, membabitkan responden dalam kalangan rakyat Malaysia berumur 18 tahun ke atas.

“Survei ini juga dapat membantu memahami persepsi masyarakat terhadap buah tempatan yang melambangkan budaya serta menyumbang kepada ekonomi negara.”

Berdasarkan Dasar Agromakanan Negara 2021-2030 (DAN 2.0), nanas telah dikenal pasti sebagai salah satu komoditi agromakanan bernilai tinggi yang semakin mendapat permintaan di pasaran global.

“Ia juga berpotensi memberikan pulangan yang menguntungkan kepada pengeluar makanan tempa-

tan,” katanya semalam.

Sementara itu, hasil datatan Banci Pertanian 2024 dikeluarkan oleh Jabatan Perangkaan Malaysia pada 29 Mei lalu menunjukkan, sebanyak 8,060 pegangan pertanian terlibat dalam penanaman nanas.

Daripada jumlah itu, pegangan pertanian individu tergolong penyumbang terbesar iaitu 96.2 peratus atau 7,752 orang.

Mengikut rekod bancian, pengeluaran nanas dari pada pegangan pertanian pertubuhan mencatatkan sumbangan yang ketara, iaitu sebanyak 323,000 tan metrik (55.2 peratus) daripada jumlah keseluruhan pengeluaran sebanyak 586,000 tan metrik.



Scanned with CamScanner

